

Azahariah mahu cabar pelatih lelaki

28 JUN 1987

SITI Azahariah Hussien, terpaksa memilih lelaki sebagai rakan pelatih bagi meningkatkan lagi kecekapan sebagai persediaan untuk menghadapi acara silat olahraga di Sukan SEA Jakarta pada 9-20 September ini.

Dia adalah antara lima pesilat wanita yang dipilih mewakili negara untuk ke Jakarta dan Kejohanan Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada Disember ini. *B. Harian (M)*

Antara pesilat wanita itu, Zaheda Suradi, Salbiah Salleh, Khatijah Salleh dan Salbiah Salleh. Mereka kini menjalani latihan pusat peringkat pertama di Kompleks Sukan Kampung Pandan dibimbing oleh ketua jurulatih, Anuar Abdul

Wahab.

Kejayannya mendapat tempat dalam pasukan negara, apabila menawarkan pesilat dari Kelantan dan Johor dalam pemilihan April lalu.

"Saya tidak menduga terpilih mewakili negara kerana masih terlelu baru dalam seni perlawanan diri dan penyertaan dalam pemilihan itu adalah sekadar untuk mencuba nasib," jelas gadis Masjid Tanah, Melaka. *B. Minggu (M)*

Azahariah berkata: "Saya terpaksa memilih rakan pelatih lelaki untuk mempertingkatkan kecekapan, kemandapan dan di samping mengesan kelemahan yang masih ketara."

Katanya, rakan pelatih lelaki dapat meningkatkan lagi semangat melawan dan ini adalah salah satu cara untuk tidak gentar menghadapi lawan nanti.

Dia menambah, kalau berlatih dengan sesama wanita ini boleh melemahkan semangat kerana sesetengah rakan pelatih cepat mengalah apabila terasa sakit.

Menurutnya, rakan sepelatih di Institut Kamahiran Mara (IKM) juga adalah lelaki.

Azahariah, 20, penuntut kursus Lukisan Seni Bina di IKM Petaling Jaya, mula belajar ilmu bela diri dari perguruan silat Gayong Pathani pertengahan tahun lalu.

Katanya, minat untuk belajar seni silat ini timbul bila melihat demonstrasi silat itu di minggu suaikenal IKM.

"Pengalaman dalam ilmu bela diri masih cetek, tambah lagi belum pernah terabit dalam sebarang kejohanan peringkat kebangsaan," jelasnya.

Menyentuh mengenai harapan di Jakarta, dia tidak menjanjikan sebarang pingat yang dipertarungkan.

"Saya berazam untuk meraih sekurang-kurangnya pingat gangsa nanti, meskipun emas menjadi impian," ujarnya.

SILAT

Dua beradik hadapi masalah

-2 JULI 1987 B. Harian (M)

DUA ahli silat adik beradik, Salbiah dan Khatijah Salleh berada dalam 'dilema' untuk menghadiri latihan pusat peringkat kedua pada 10-20 Julai ini sebagai persiapan ke Sukan SEA Jakarta. *B. NUR RAFIQAH*

Ini kerana masalah cuti bergaji dengan majikan mereka tidak dapat diselesaikan.

Ketika menjalani latihan pusat peringkat pertama di Kompleks Sukan Kampung Pandan Kuala Lumpur pada 10-24 Jun lalu, mereka sudah diberi cuti tanpa gaji.

Kedua pesilat negara itu, berjaya membuktikan keunggulan masing-masing dalam latihan lalu dan menaruh harapan tinggi untuk merangkul pingat nanti.

Salbiah dipilih mewakili negara bagi Kelas B, manakala adiknya Khatijah bagi Kelas A, bila berjaya menawarkan dua peserta lain dalam pemilihan April lalu.

Mereka kini bekerja dengan syarikat swasta di Batu Pahat, meminta kerjasama dari Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menyelesaikan masalah itu.

Salbiah memberitahu: "Kami bangga dapat mewakili negara dalam kejohanan yang penting."

Bagaimanapun, beliau *KAM* dengan sikap majikan yang tidak memberikan sokongan, sedangkan apa yang dilakukan itu adalah tugas negara.

"Tindakan majikannya itu seolah-olah tidak menggalakkan pekerjaannya bergiat di bidang sukan," kata Salbiah.

Mereka kini giat menjalani latihan persendirian di rumah di Salok Wan Moh, Batu Pahat, sementara menunggu latihan pusat.

Salbiah dan Khatijah adalah ahli kumpulan Silat Gayung dan baru sahaja di anugerah tali pinggang pelangi merah kelas pertama.

Sementara itu, Pengerusi Silat Gayung Johor, Abdul Manaf Chokro, memandang berat dengan masalah yang dihadapi oleh kedua ahli silat itu dan berharap majikannya dapat memberi pertimbangan wajar.

"Saya yakin dua beradik itu akan mencatat kejayaan," jelasnya.

Beliau juga kesal dengan silat Persatuan Silat Daerah Batu Pahat yang tidak langsung menunjukkan minat membantu mereka dalam menyelesaikan masalah ini.



■ SALBIAH



■ KHATIJAH